



*proceeding*  
**ikmg**  
*Pengukuhan Budi & Jati Diri*  
**2016**

**JUNE 2016**

**Tanjung Bidara Resort Melaka**



**PROCEEDING ISME**

**Penyunting:  
Ahmadrashidi bin Hasan  
Abd. Rasid Bin Ismail  
Rosli Zakaria**

**DITERBITKAN OLEH  
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Uitm Melaka.**



**PROCEEDING ISME**

**Penyunting**

**Ahmadrashidi bin Hasan, Abd. Rasid Bin Ismail & Rosli Zakaria**

**Reka bentuk**

**Norsharina Samsuri**

**Hafiz**

**Diterbitkan oleh:**

**Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka.**

**Segala pendapat yang diterbitkan di dalam buku ini merupakan pendapat para pengarang dan tidak semestinya mewakili pendapat penerbit.**

**ISBN 978-967-0637-20-4**

**Hak Cipta Terpelihara.**

**Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sama ada cara elektronik, fotokopi, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari penyunting dan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka terlebih dahulu.**

**Cetakan Pertama 2016**

## ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan .....	3
Jawatankuasa Kolokium ISME 2016 .....	5
<b>1. Creative Art Therapy Program: Case Study on Malay Muslim Inmates at Sungai Udang Prison in Melaka</b>	<b>6</b>
Azahar Harun, Rosli Zakaria, Amiruddin Osman, Ariff Ali, Hishamudin Ahmad, Haslinda Abd Razak, Meor Hasmadi Meor Hamzah	
<b>2. Contemporary Islamic Art of Iraq Country: It's Appreciation</b>	<b>15</b>
Fatimatuzzaharah Mohd Kidin	
<b>3. Standardizing Malaysian Vehicle Registration Number Plate</b>	<b>22</b>
M. R. Ruzalia & G. Daimin	
<b>4. Using Photographic Images as an Alternative Method To Learning Process In Pre-School Level</b>	<b>32</b>
Farihan Zaharia, Fatrisha Mohamed Yussof, Nurkhozilah Idris, Aidah Alias	
<b>5. A Study of The Malaysian Youth Perception Toward 'Muslim Pro' Apps Through Smart Phone in Malaysia Using Technology Acceptance Model (TAM)</b>	<b>36</b>
Hafizah Rosli & Dr Ruslan Abd Rahim	
<b>6. Interactive Multimedia: HajjEdu Kiosk</b>	<b>42</b>
Ilinadia Binti Jamil & Zainal Bin Kadir	
<b>7. A Visual Analysis: 3D Computer Graphic with Narrative Structure of Adhan Recitation</b>	<b>50</b>
Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur khalisah Shamsudin, Mohamed Razeef Abd Razak & Azahar Harun	
<b>8. The Role of Visual Communication in Improving Images of Malaysian Secondary School Textbooks</b>	<b>59</b>
N. Yusof & G. Daimin	
<b>9. The Styles of Illumination In Al-Qur'ans of The Malay World</b>	<b>66</b>
N.H.M. Din, D.H.M. Zain, M. Mokhtar	
<b>10. Artistik Rhiz : Seni Rupa Kontemporari Malaysia</b>	<b>73</b>
Shahariah Mohamed Roshdi , Dr. Abd. Rasid Bin Ismail & Mohd Haniff Mohd Khalid	
<b>11. Penilaian Pengunjung Terhadap Pameran Karya Seni "Travelog" Pelajar Seni Halus UiTM Melaka</b>	<b>80</b>
Amiruddin Osman, Dr Rosli Zakaria, Shahrul Munir Mohd Kaulan	

12. **Compilation Theory Of Malay Malay Aesthetics: Concept Malay Beauty In Arts** 86  
Nurkhazilah Idris, Ruzaika Omar Basaree, Fazlina Mohd Radzi, Fatrisha Mohd Yussof, Farihan Zahari & Shaliza Dasuki.
13. **Alam Sebagai Sumber Reka Bentuk Motif-Motif Seni Hiasan Fabrik Masyarakat Melayu** 95  
Dr. Abd. Rasid Bin Ismail , Shahariah Mohamed Roshdi & Prof. Madya Dr Ahmad Rashidi Bin Hasan
14. **Geometri dalam Rekabentuk Naskhah Dala'il al-Khayrat: Suatu Kajian Awal** 104  
A. Abdullaha\* dan S. Silahb
15. **Exploring An Art Photography Movement In Malaysia (1900-2000)** 112  
Raziq Abdul Samat, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Shafirah Shaari, Dona Lowii Madon, Aidah Alias & Mohd Fakhrul Rodzi Abd Ghapur
16. **Penghayatan Budaya Kebangsaan Dalam Karya Animasi Malaysia Pasca-Merdeka** 116  
Shaliza Dasukia, Nurkhazilah Idrisa, Nurhasliza Abdulahb dan Norhazalen Haji Saadc
17. **Appreciating Islamic Contemporary Art of Afghanistan Country** 125  
Nurul Syazlina Bt Che Yusof, Nor Kamalia Bt Mohamed Saat, Prof. Dr. Dzul Haimi Md Zain, Dr. Mumtaz Hj Mokhtar
18. **Describing Advertising Approach By Ministry Of Health Malaysia For Public Service Annouement Campaign: Case Study On Anti Dengue Campaign In Press Ad** 130  
Norsharina Samsuri, Anith Liyana Amin Nudin
19. **Penyimpanan Dan Pendokumentasian Karya Kreatif Di Fssr, UiTM Melaka** 135  
Haslinda Abdul Razak<sup>1</sup>, Nur Hasliza Abdulah<sup>2</sup>, Azni Hanim Hamzah<sup>3</sup>, Nurul Izza Ab Aziz<sup>4</sup>, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain<sup>5</sup>, Noor Hafiza Ismail<sup>6</sup>
20. **Stail Abstrak Arca Awam Kuala Lumpur : Refeleksi Terhadap Tegahan Agama Islam Membina Arca Berbentuk Figura Bernyawa.** 144  
Dr. Rosli Zakaria
21. **Kartun Editorial Internet Indie Melayu: Kritikan Politik Dan Sosial Melalui Rangkaian Sosial Facebook Bertemakan Pribahasa Lama Melayu** 159  
Fazlina Mohd Radzi, Shahariah Mohamed Roshdi, Nurkhazilah Idris
22. **Creativity and Inspiration Woven Technique By Using Excessive Plastic Bag** 167  
Azni Hanim Hamzah,<sup>a</sup> Salina Abdul Manan<sup>b</sup> , Noor Hafiza Ismail<sup>a</sup> , Nurhikma Mat Yusufa , Nurul Izza Ab Aziza
23. **Sustainable Furniture Design: An Alternative Approach To Enhance Learning Process In Autism Classroom** 174  
1Nurhikma Bt Mat Yusof, 2Rosaliana Bt Rahim, 3Ridzuan Adli Bin Azidin

## JAWATAN KUASA

ISME 2016

Penaung	PM Dr. Mohd Adnan Bin Hashim
Penasihat 1	Dr. Rani Diana Binti Othman
Pengerusi Timbalan Pengerusi	Dr. Azahar Bin Harun Cik Nurhikma Binti Mat Yusof
Ketua Projek Pen. Ketua Projek	PM Dr. Ahmadrashidi Bin Hasan Dr. Rosli Bin Zakaria
Setiausaha Timbalan SU 1 Timbalan SU 2	Puan Shaliza Binti Dasuki Cik Nurkhazilah Binti Idris Cik Fazlina Binti Mohd Radzi (Penerimaan Abstrak & Kertas Kerja)
Wakil Bendahari Fssr	Puan Azni Hanim Bin Hamzah
Editor	Dr. Abd. Rasid Bin Ismail (Ketua) Dr. Rosli Bin Zakaria PM Dr. Ahmadrashidi Bin Hasan Dr. Azahar Bin Harun
Tempat & Kemudahan	Puan Shaliza Binti Dasuki Cik Noor Hafiza Binti Ismail
Jk Dokumentasi	En. Raziq Bin Abdul Samar En. Meor Hasmadi Bin Meor Hamzah En. Mohd Hanif Bin Mohd Omar Cik Aidah Binti Alias
Jk Seranta & Publisiti	En. Ridzuan Adli Bin Azidin Cik Nurhikma Binti Mat Yusof
Jk Penyambut Tetamu & Protokol	En. Arif Bin Ali Tuan Haji Abd. Wahab Bin Muhammad Puan Shahariah Binti Mohd. Roshdi Cik Rosaliana Binti Rahim
Jk Sijil & Cenderamata	Puan Nur Hasliza Binti Abdullah Puan Nurul Izza Bin Ab. Aziz
Jk Jemputan	Puan Haslinda Bin Abd. Razak
Jk Teknikal & Logistik	En. Hisammudin Bin Ahmad En. Rafuzan Bin Jaafar
Jk Pereka	Puan Norsharina Binti Samsuri (Ketua) Puan Anith Liyana Binti Amin Nudin Puan Fatrisha Binti Mohamed Yussof
Jk Pendaftaran	Cik Fazlina Binti Mohd Radzi Puan Azni Hanim Bin Hamzah Cik Siti Sarah Binti Adam Wan

## PENILAIAN PENGUNJUNG TERHADAP PAMERAN KARYA SENI “TRAVELOG” PELAJAR SENI HALUS UITM MELAKA

<sup>1</sup>Amiruddin Osman, <sup>2</sup>Dr Rosli Zakaria, <sup>3</sup>Shahrul Munir Mohd Kaulan  
\*koresponden penulis : hjamiruddin@yahoo.com

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana kualiti pameran dan karya pelajar semester akhir program Diploma Seni Halus dari sudut kaca mata orang ramai. Di samping itu pengkaji ingin mengetahui kesan pameran tersebut kepada pengunjung. Satu instrumen telah dibentuk untuk mengukur dari segi kualiti pameran, karya serta kesan afektif pengunjung. Aspek kualiti diukur melalui enam item iaitu penghasilan karya yang kreatif, karya yang mempraktikkan teori dan amali, penguasaan kemahiran, karya yang relevan dan semasa, pengajuran pameran serta ruang pameran. Manakala dari aspek kesan afektif pengunjung diukur melalui enam item juga iaitu kepuasan, mencetus inspirasi, dapat menghayati, dapat pendedahan baru, keinginan untuk mengetahui lebih lanjut dan tahap keseronokan. Skala “rating” darjah persetujuan daripada 1 - sangat tidak setuju hingga ke skala 5 - sangat setuju telah digunakan dalam instrumen ini. Pameran ini telah dijalankan di galeri seni Akademi Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Kuala Lumpur pada 10 hingga 30 Ogos 2015. Sampel yang digunakan adalah daripada pelawat-pelawat yang berkunjung ke pameran tersebut. Data daripada sampel telah dianalisis secara diskriptif melalui perisian IBM SPSS versi 12 dan Microsoft Excel. Hasil analisis didapati secara keseluruhannya memperlihatkan pengunjung menyatakan pameran karya seni “Travelog” pelajar sangat berjaya (min 4.5, sisihan piawai 0.1). Aspek keberkesanan pameran serta karya pelajar mencatat min 4.5 dan kesan afektif pengunjung adalah pada min 4.4. Komen-komen pengunjung kesemuanya positif dan kebanyakannya mencadangkan agar aktiviti seperti ini diteruskan.

Kata Kunci: Penilaian, Kualiti Pameran, Aspek Afektif, Pengunjung, Karya Seni

### Pengenalan

Aktiviti berpameran merupakan satu aktiviti luar kelas yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran program Seni Halus. Aktiviti ini terkandung dalam silibus program yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dalam soal pengurusan berpameran supaya mereka boleh melaksana dan menguruskan pameran seni selepas tamat pengajian kelak.

Setiap semester, pelajar-pelajar di semester akhir perlu menyiapkan projek akhir mereka yang berupa karya-karya visual dalam empat bidang utama iaitu Lukisan (Drawing), Catan (Painting), Arca (Sculpture) dan Cetakan (Printmaking). Projek akhir ini akan dinilai oleh pensyarah yang dilantik dan akan dipamerkan kepada khalayak umum sama ada di dalam ataupun di luar kawasan universiti.

Dengan adanya aktiviti berpameran seperti ini pihak universiti dapat mengetahui sejauh mana kualiti hasil kerja pelajar yang dididik dan dibimbing pensyarah mereka berdasarkan silibus dan program yang dilaksanakan. Dengan maklum balas yang diperolehi daripada aktiviti berpameran ini akan membantu pihak universiti untuk menilai keberkesanan program berdasarkan garis panduan Agensi Kelayakan Malaysia ataupun MQA (Malaysian Qualifications Agency) yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi).

## Latar Belakang Kajian

Pameran karya seni bertema “Travelog Melaka – Solo – Jogjakarta” adalah satu pameran hasil karya seni visual pelajar semester akhir program Diploma Seni Halus di Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Melaka. Pameran ini diadakan di Galeri Seni Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kuala Lumpur pada 10 hingga 30 Ogos 2015.

Tema “Travelog Melaka–Solo–Jogjakarta” digunakan adalah bersempena dengan aktiviti lawatan akedemi pelajar bersama beberapa pensyarah pengiring ke kota Solo dan Jogjakarta pada 18 hingga 23 Disember 2014. Sebenarnya aktiviti kunjungan ke kota ini oleh pensyarah-pensyarah FSSR telah diadakan beberapa kali sejak tahun 2012. Berdasarkan pengalaman tersebut maka para pensyarah telah memutuskan bahawa sudah tiba masanya untuk membawa pelajar semester akhir berkunjung ke kota Solo dan Jogjakarta Indonesia. Misi lawatan akademik mereka adalah untuk mengkaji perkembangan seni dan budaya di sana disamping untuk merekod pontensi idea-idea baru dalam pengkaryaan seni visual.

Akhirnya pada bulan April 2015, para pelajar telah dapat menjahirkkan karya-karya dalam projek akhir mereka untuk dinilai dan dipamerkan di Galeri Seni UiTM Melaka. Untuk mendapat pendedahan yang lebih meluas maka pihak FSSR telah mengorak langkah mengatur pameran pelajar Seni Halus ini ke luar kawasan universiti. Inisiatif ini telah menjadi kenyataan apabila pihak ASWARA, Fakulti Rekaan Komunikasi Visual telah bersetuju menjalinkan usahanya dengan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR), UiTM Melaka untuk menganjurkan secara bersama pameran “Travelog Melaka-Solo-Jogjakarta” pada 10 hingga 30 Ogos 2015..

## Pernyataan Masalah

Secara lumrahnya karya-karya yang dihasilkan oleh pelajar dinilai oleh pensyarah mereka untuk menentukan sejauh mana kebolehan mereka dapat mencapai mutu standard akademik yang ditetapkan dalam program Diploma Seni Halus.

Namun pencapaian mereka juga harus dinilai dalam skop yang lebih luas iaitu untuk menjawab persoalan-persoalan kepentingan pelaksanaan program seperti maklum balas daripada stakeholders, maklum balas pelajar dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran persekitaran (*learning environment*). Persoalan dari segi bagaimana kesahan pentaksiran dalaman akur dengan standard pentaksiran pihak luar dan penglibatan stakeholders dalam membuat perubahan kepada sistem pentaksiran (UiTM, 2009).

Ekoran daripada masalah ini maka salah satu cara untuk menanganinya ialah dengan adanya aktiviti berpameran yang dibuka kepada khalayak umum. Dengan cara ini pihak universiti dan pelajar dapat menjalinkan hubungan yang rapat dengan masyarakat luar seterusnya memperoleh maklumbalas terus daripada stakeholders dan pelajar itu sendiri.

## Persoalan Kajian

Dalam kajian ini persoalan yang ingin dikupas dan dikaji adalah seperti berikut:

1. Adakah karya-karya pelajar semester akhir ini berkualiti?
2. Adakah pameran yang dijayakan oleh pelajar ini berkesan?
3. Adakah penonton yang berkunjung dan melihat pameran ini berpuas hati?

## **Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini penting berdasarkan fakta-fakta berikut:

1. Kajian ini dapat menentukan sejauh mana mutu hasil kerja pelajar dinilai oleh masyarakat umum (pengunjung).
2. Kajian ini dapat menentukan sejauh mana keberkesanan pameran ini terhadap masyarakat umum (pengunjung).
3. Kajian ini dapat memberi maklum balas kepada pihak universiti bagi menjawab persoalan-persoalan yang berkaitan dengan stakeholders feedback, kesan pembelajaran persekitaran, kesan pentaksiran dalaman dan kesan daripada hasil pembelajaran program itu sendiri.

## **Skop dan Limitasi Kajian**

Kajian ini difokuskan kepada penilaian pengunjung terhadap pameran karya-karya seni pelajar pengajian Diploma Seni Halus UiTM Melaka, ambilan Disember 2013 seramai 30 orang. Kajian ini terbatas kepada maklum balas pengunjung yang melawat dan menyaksikan karya-karya pelajar yang dipamerkan di Galeri Seni ASWARA Kuala Lumpur pada 10 hingga 30 Ogos 2015. Aspek kajian adalah tertumpu kepada kualiti karya, penguasaan kemahiran, relevansi, suasana pameran dan kepuasan pengunjung.

## **Kajian Literatur**

Penilaian merupakan satu proses untuk menentukan nilai (value) terhadap perkara yang dinilai. Menurut Carl H. Witherington (1952), "an evaluation is a declaration that something has or does not have value". Wand and Brown (1957), juga memberi pengertian yang sama iaitu "... refer to the act or process to determining the value of something". Manakala, Guba dan Lincoln (1985) memberi pengertian penilaian sebagai "... a process for describing an evaluated and judging its merits and worth". Guba dan Lincoln (1985) menegaskan bahawa process penilaian adalah berdasarkan mutu standard yang ditentukan.

Proses penilaian untuk sesuatu aktiviti perlu diambilkira beberapa perkara yang melibatkan objektif yang ingin dicapai dalam aktiviti tersebut. Sebagaimana yang disebut oleh Gilbert Sax (1890: 18) bahawa penilaian itu merupakan suatu proses di mana keputusan dan ketentuan nilai dibuat melalui pelbagai observasi dan daripada latar belakang dan latihan daripada penilai.

Menurut Burton (2006), penilaian terhadap sesuatu pameran seni pelajar harus dilihat berdasarkan maklumbalas pengunjung dari aspek tema, konsep, pemilihan karya, kejelasan teks sokongan, penyusunan karya dan persekitarannya. Manakala Mulyadi (2000) melihat penilaian terhadap sesebuah pameran adalah dirujuk kepada jumlah pengunjungnya, sambutan mutu karya, kesannya kepada pelukis, masyarakat dan dunia seni lukis.

Munurut Mulyadi (2000) lagi melalui pameran pelukis dan penonton akan dapat berkongsi pengalaman melalui proses penghayatan terhadap karya-karya. Ia dianggap penting kerana dengan cara berpameran ia dapat menghubungkan pelukis dengan masyarakat di sekelilingnya.

## Kaedah dan Prosedur

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik. Soal selidik dibentuk berdasarkan persoalan kajian dan tinjauan literatur. Instrument ini mengandungi 4 bahagian soalannya iaitu:

- Bahagian A: Latar Belakang Responden (4 item)
- Bahagian B: Keberkesanan Pameran (5 item)
- Bahagian C: Kesan Terhadap Penonton (6 item)
- Bahagian D: Komen dan Cadangan (1 item)

Responden soal selidik adalah terdiri daripada para audien (pengunjung) yang telah menyaksikan pameran pelajar ini mulai 10 hingga 30 Ogos 2015. Telah dianggarkan seramai 400 orang telah hadir dan menyaksikan pameran tersebut. Di sepanjang masa pameran dijalankan pihak penganjur telah menugaskan dua orang urusetia untuk membantu dari segi kerja-kerja pengurusan dan untuk melayan pengunjung. Petugas urusetia ini juga ditugaskan untuk mengedarkan dan memungut kembali soal selidik yang diedarkan. Daripada bilangan pengunjung itu cuma seramai 46 pengunjung yang telah menjawab dan mengembalikan soal selidik untuk dianalisis (purposive sampling).

Data-data numaratif yang diperolehi telah dianalisis secara diskriptif dengan menggunakan perisian IBM SPSS versi 12 dan Microsoft Excel. Manakala data-data yang bersifat teks dianalisis secara perbandingan. Instrument ini telah diuji melalui ujian Crombach Alpha untuk mengetahui indeks kebolehpercayaan instrumen. Didapati Indeks kebolehpercayaan instrumen adalah pada tahap yang tinggi iaitu alpha 0.90.

## Dapatan dan Perbincangan

Setelah dianalisis data-data yang diperolehi adalah didapati pada keseluruhannya responden berpuas hati dengan pelaksanaan pameran dan hasil karya-karya pelajar yang dipamerkan (Min 4.5, SP 0.1). Aspek yang paling tinggi persetujuannya adalah dari segi penganjurannya (Min 4.62, SP 0.54) dan dituruti dengan relevansi karya (Min 4.59, SP 0.58), mempraktikkan teori (Min 4.59, SP 0.49), kemahiran pelajar (Min 4.48, SP 0.57), kreativiti (Min 4.46, SP 0.80), dan ruang yang kondusif (Min 4.36, SP 0.57).

Jadual 1: Taburan Min Responden Mengikut Item-Item Keberkesanan Pelaksanaan Pameran

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	N
1.	Kreatif	4.46	0.80	46
2.	Praktik Teori	4.59	0.49	46
3.	Kemahiran	4.48	0.57	46
4.	Relevansi	4.59	0.58	45
5.	Ruang Kondusif	4.36	0.57	45
	Keseluruhan	4.5	0.1	

Manakala dari aspek kesannya terhadap pengunjung adalah didapati secara keseluruhannya adalah positif (Min 4,4, SP 0.0). Item yang paling tinggi persetujuannya adalah item yang mencetus rasa ingin tahu lebih lanjut (Min 4.4, SP 0.62) dan dituruti dengan item berpuas hati (Min 4.40, SP 0.65), mencetus inspirasi (4.40, SP 0.65), dapat menghayati (Min 4.39, SP 0.61), dapat pendedahan baru (4.33, SP 0.67) dan merasa gembira (Min 4.43, SP 0.66).

Jadual 2: Taburan Min Responden Mengikut Item-Item Kesan Terhadap Pengunjung

No.	Item	Min	Sisihan Piawai	N
1.	Puas Hati	4.40	0.65	45
2.	Mencetus Inspirasi	4.40	0.65	45
3.	Dapat Menghayati	4.39	0.61	45
4.	Dapat Pendedahan Baru	4.33	0.67	45
5.	Rasa Ingin Tahu	4.44	0.62	45
6.	Berasa Gembira	4.43	0.66	44
	Keseluruhan	4.4	0.0	

Daripada statistik yang ditunjukkan dalam jadual 1 dan 2 bolehlah dirumuskan bahawa para pengunjung mendapati pelaksanaan pameran pelajar yang bertemakan “Travelog” ini telah berjaya dan memberi kesan yang bermakna kepada pengunjung. Rata-rata para pengunjung berpuashati dengan pelaksanaan pameran ini di mana setiap aspek yang diperlukan pengunjung dapat dipenuhi. Mereka merasa gembira melihat karya-karya yang dipamerkan. Mereka dapat pendedahan baru dari segi teknik dan kesan-kesan khas yang dipaparkan. Mereka dapat maklumat baru dari segi kandungan karya-karya pelajar. Malah setelah mereka melihat karya-karya yang dipamerkan, timbul inspirasi atau idea-idea baru yang boleh dimanfaatkan.

Karya-karya pelajar ini juga dianggap bermutu dan kreatif. Aspek-aspek ini dapat dilihat dalam jadual 2 yang menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi diberi kepada item karya yang kreatif (Min 4.46, SP 0.80) dan yang menunjukkan kemahiran yang memuaskan (Min 4.48, SP 0.57). Dapatan daripada soalan-soalan terbuka juga menunjukkan keseluruhan responden menyatakan bahawa pameran ini berjaya. Komen-komen yang diberikan kesemuanya positif. Mereka mengucapkan syabas kepada pelajar UiTM Melaka kerana berjaya mengadakan pameran ini. Antara komennya “Syabas pelajar fakulti Seni Halus UiTM Melaka! Karya-karya anda memartabatkan seni dan budaya warisan”, “Syabas dan tahniah. Teruskan lagi usaha. Banyakkan lagi pendedahan kepada masyarakat umum”.

### Kesimpulan dan Cadangan

Dapatlah dirumuskan bahawa pameran karya pelajar ini telah berjaya menarik minat pengunjung. Hasil karya yang dipamerkan ternyata berkualiti di kacamata pengunjung. Malah pengunjung berpuas hati dengan pelaksanaan pameran yang dijalankan. Dapatan daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa program Diploma Seni Halus yang dilaksanakan oleh pensyarah-pensyarah telah berjaya mencapai hasil pembelajaran program tersebut (Program Outcomes).

Adalah diharap pihak UiTM akan terus menyokong program-program yang bersifat “pembelajaran persekitaran” ini di masa akan datang. Sesungguhnya hasil daripada aktiviti seperti ini dapat membantu pihak UiTM untuk mendapat maklumbalas daripada stakeholders dan masyarakat umum untuk penambahbaikan kurikulum program.

## Rujukan

1. Mulyadi Mahamood. (2000). Mendekati Seni Lukis dan Seni Reka. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Barrett, T.(2003). Interpreting Art: Reflecting, Wondering, and Responding. New York. McGraw-Hill.
3. Witherington, W.J., et al., (1952). Educational Psychology. Boston. Ginn & Co.:American Book Company.
5. Chua, Y.P. (2012). Mastering Research Methods. Kuala Lumpur. McGraw-Hill.
6. Chua, Y.P. (2012). Mastering Research Statistics. . Kuala Lumpur. McGraw-Hill.
- 7.. Shimamura, Arthur P. (2013). Experiencing Art in The Brain of The Beholder. US. Oxford University Press.
8. Guidelines for Analysis of Art. (n.d). Retrieved December 13, 2015, from <http://ualr.edu/art-history-resources/papers-and-projects/guidelines-for-analysis-of-art/>  
( UNIVERSITY OF ARKANSAS AT LITTLE ROCK )
9. Wandt, Edwin, and Brown, Gerald W., (1957). Essentials of Educational Evaluation. New York. Holt Rinehart and Winston.
10. Sax, Gilbert. (1980). Principles of Educational and Psychological Measurement and Evaluation. Belmont California. Wads Worth Pub. Co.
11. Student Guide For Analysing Artwork. (n.d). Retrived December 31, 2015, from <http://citygallery.org.nz/assets/New-Site/Education/Education-Resources/Student%20Guide%20to%20Analysing%20Artwork.pdf>.
12. Burton, David. (2006). Exhibiting Student Art: The Essential Guide For Teachers. New York. Teachers College Columbia Univerity.
13. Guba, E.G. and Lincoln, Y.S. (1985). Effective Evaluation. San Francisco: Jossey – Bass Pub.
14. Universiti Teknologi MARA. (2009). Self Review Portfolio 2009 Universiti Teknologi MARA , Documentation for Academic Performance Audit (APA). Shah Alam. Academic Quality Assurance Unit UiTM.
15. Universiti Teknologi MARA. (2015, 10 Ogos). Katelog “Travelog Melaka – Solo – Jogjakarta, Pameran Karya Seni Visual Pensyarah dan Pelajar Seni Halus UiTM Melaka. Galeri Seni ASWARA.